



Pelajar cinta pensyarah

Keluarga tolak pilihan kerana perbezaan usia

Soalan

ASSALAMUALAIKUM Dr. Dulu, saya ada menyukai seorang gadis yang menuntut di universiti sama.

Walaupun sudah menunggunya lama, dia tetap tidak memberi maklum balas kepada saya.

Lalu, cinta saya beralih pula kepada pensyarah sendiri. Kerana selalu berbatas mesej pesanan ringkas (sms), kami akhirnya mengakui saling menyukai.

Kami juga mempunyai minat yang sama dan sering keluar bersama tanpa pengetahuan rakan.

Perasan yang begitu mendalam terhadapnya membuatkan saya yakin dia adalah pilihan terbaik.

Bagaimanapun, kini dia seakan-akan berubah kerana ramai yang sudah mengetahui hubungan kami dan memberi tekanan kepadanya, lebih-lebih lagi gadis yang pernah saya sukai itu.

Dia pernah menyuruh saya mencari yang lain dan sepadan dengan saya kerana faktor umur saya serta keadaan sekeliling yang membuatnya tertekan.

Bagaimanapun, saya tidak mahu dan berjanji akan sehidup semati dengannya.

Namun, kemunculan kembali gadis yang saya minati itu, mengubah segalanya. Dia memberi sinar baru dalam hidup saya dan tanpa pengetahuan dia, saya menduakannya.

Saya sangat bahagia kerana ada dua perempuan yang saya sayangi bersama-sama dengan saya.

Kekasih akhirnya mengetahui perhubungan saya bersama gadis itu dan ingin mengundur diri. Kerana berasa bersalah, saya memutuskan hubungan dengan gadis itu.

Saya pernah menyuarakan untuk menyunting kekasih menjadi suri hidup kepada ibu dan ayah. Bagaimanapun, mereka membantah kerana kekasih tidak sesuai buat saya kerana faktor umur, zuriat dan saya perlu membalas budi keluarga.

Saya terseksa dengan situasi ini dan amat menyayanginya. Saya pernah berjumpa dengan keluarganya dan mereka menerima saya dengan baik. Saya

tidak mahu kehilangannya.

JEJAKA BUNTU
Kuala Lumpur

Jawapan

Di memahami dan simpati terhadap konflik adik. Hubungan cinta adik dengan kekasih ternyata tidak menggembirakan keluarga atas sebab mereka sendiri.

Pada mulanya, konflik hubungan juga wujud apabila adik tidak pasti siapa wanita yang bertakhta di hati. Ketidakpastian adik dalam hubungan dengan kedua-dua wanita ternyata melukakan hati dua insan yang bermakna dalam hidup adik.

Kehidupan juga terganggu atas keinginan adik membalas budi keluarga yang dalam keadaan bersempit antara masalah dengan kekasih dengan keluarga.

Kata-kata yang mengatakan umur hanyalah angka dan tidak memberi sebarang makna ternyata tidak benar dalam hubungan cinta adik.

Umur kekasih yang tujuh tahun lebih tua nampaknya seperti racun berbisa dalam mendapat restu keluarga adik. Sikap keluarga ini banyak menyamai penerimaan umum masyarakat dan budaya yang lebih menyukai perhubungan di mana lelaki perlu lebih tua daripada wanita.

Keluarga tidak menyetujui perhubungan atas alasan faktor umur, zuriat dan adik perlu membalas budi mereka. Kebimbangan mereka adalah atas dasar kasih dan sayang mereka terhadap adik.

Keluarga juga mungkin tidak mahu menongkah arus dengan masyarakat yang lazimnya mahukan lelaki perlu lebih tua daripada wanita dalam rumah tangga.

Masa diperlukan dalam meyakinkan keluarga bahawa adik benar-benar serius dalam hubungan cinta.

Namun perkara ini tidak dapat dilakukan jika adik atau kekasih tidak yakin akan perhubungan cinta ini. Berusaha dengan lebih gigih untuk menjayakannya.

Mempunyai hubungan dengan orang yang lebih tua

mempunyai baik dan buruknya. Jika pasangan lebih tua, kemungkinan dia akan lebih menjadi matang.

Pasangan yang lebih tua selalunya dilihat lebih stabil dari segi emosi dan kewangan. Bagaimanapun, mempunyai pasangan yang lebih muda juga mempunyai kebanyakannya. Individu akan lebih merasa muda.

Walau apapun sikap dan pandangan masyarakat dalam perhubungan yang dibezakan oleh usia, apa yang lebih penting ialah bagaimana adik dan kekasih melihat perhubungan ini dan juga soal ketentuan jodoh.

Jika ditakdirkan bersama dan sanggup melabur masa, tenaga serta usaha untuk menjadikan perhubungan itu berjaya, faktor perbezaan umur bukanlah masalah utama.

Persoalannya, adakah adik dan kekasih sanggup mengorbankan masa, tenaga dan usaha untuk menjayakan perhubungan kalian? Jika ya, kalian berdua perlu membuktikan melalui tingkah laku dan perbuatan untuk menjayakan hubungan ini.

Lakukannya tanpa memaksa keluarga menerima perhubungan ini.

Jika ragu, nampaknya perjalanan masih lagi berliku untuk kalian berdua membina mahligai bahagia.

Keyakinan dan kesetiaan adik dalam menjayakan hubungan ini sangat penting.

Seperti masa lalu, adik terperangkap dengan emosi dan ketamakan cinta apabila mencintai dua wanita dalam satu masa.

Apa yang lebih memerangkap keegoan adik ialah adik merasa bahagia apabila mencintai dan dicintai dua orang wanita.

Sikap ini mengeruhkan hubungan cinta adik dengan kedua-dua wanita tersebut. Cinta mereka juga dikhianati.

Walaupun adik sudah membuat keputusan dan membuat pilihan, adik perlu konsisten dalam pilihan adik.

Bersikap curang dalam satu perhubungan menunjukkan ketidakseriusan adik dalam hubungan ini.